

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI DR HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI
IBRAHIM [KUALA SELANGOR]
TARIKH : 10 OGOS 2017
SOALAN : 60**

YB Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini pengamal perubatan di dalam sektor Kerajaan dan swasta yang telah memiliki insurans indemniti profesional serta kes-kes yang telah berjaya diselesaikan menerusi pemilikan insurans ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini KKM tidak mempunyai perangkaan bilangan pengamal perubatan yang mempunyai perlindungan insurans secara tepat.

Walau bagaimana pun KKM menyedari terdapat sejumlah pengamal perubatan khususnya pakar-pakar yang mengamal dalam pelbagai bidang kepakaran seperti obstetrik/gynekologi dan bidang pembedahan khususnya di sektor swasta yang melanggani perlindungan insurans bagi tujuan perlindungan jika ada sebarang tindakan litigasi yang diambil terhadap mereka oleh pesakit atau ahli keluarganya.

Selaras dengan penguatkuasaan Akta Perubatan 1971 dan Akta Perubatan (Pindaan) 2012, serta Peraturan Perubatan 2017, pengamal perubatan dikehendaki menunjukkan bukti adanya *professional indemnity cover* mulai pada 1 Januari 2019.

Keperluan ini adalah bertujuan untuk memastikan pengamal perubatan mendapat perlindungan jika adanya sebarang tindakan saman ganti rugi yang dikemukakan terhadapnya, dan pada masa yang sama memberi perlindungan kepada para pesakit/keluarganya.